



Mayat tersangkut
pada pokok muka **16&18**

Kedah paling terjejas

>>Oleh Mohamad Hussin
mohamad@hmetro.com.my

ALOR SETAR: Keadaan banjir di tiga negeri iaitu Kedah, Perlis dan Kelantan semakin buruk apabila seramai 34,775 mangsa membabitkan 172 pusat pemindahan mangsa banjir dibuka berikutan hujan lebat sejak Isnin lalu, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Katanya, Kedah adalah negeri yang terburuk sekali menghadapi bencana banjir ini dengan 122 pusat pemindahan membabitkan 25,923 mangsa, Perlis sebanyak 47 pusat pemindahan membabitkan 8,463 mangsa manakala di Kelantan seba-



FOTO | Mohd Rifaat Abdul Hamid

PRIHATIN...Shahrizat (tengah) melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan SMK Alor Janggus, semalam.

nyak tiga pusat pemindahan dibuka membabitkan 389 mangsa.

"Berdasarkan maklumat, banjir di Kedah adalah yang terburuk dan kita bimbang kebajikan rakyat terjejas jika

tindakan segera tidak diambil pihak berkaitan," katanya selepas melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Alor Janggus, di sini, petang semalam.

Justeru, beliau meminta kerajaan negeri Kedah supaya lebih cekap dan bertanggungjawab dalam mengurus mangsa banjir di negeri itu dengan memberi kerjasama kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menguruskan semua pusat pemindahan mangsa banjir ketika ini.

Shahrizat berkata, walaupun hubungan antara kerajaan negeri dengan JKM ketika ini amat baik namun terdapat banyak kelemahan dalam aspek gerak kerja yang tidak cekap dan lambat yang boleh menyusahkan rakyat.

"Kemudahan utama yang sangat diperlukan JKM ketika ini adalah pengangkutan untuk membolehkan maka-

nan dan bantuan disampaikan dengan segera kepada semua mangsa.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan negeri yang melayan kita dengan baik, tetapi terlalu banyak kelemahan yang perlu diperbaiki bagi membolehkan penguurusan mangsa banjir menjalankan tugas dengan lebih baik.

"Justeru saya meminta mereka (kerajaan negeri) lebih cekap dan bertanggungjawab. Secara keseluruhannya saya tidak puas hati dengan cara kerja mereka ketika ini," katanya.

Beliau berkata, JKM sudah mengenal pasti 5,124 pusat pemindahan yang dianggarkan boleh menampung 1.34 juta mangsa banjir di seluruh negara ketika ini.

Bah surut tapi mangsa meningkat

KOTA BHARU: Biarpun banjir mula surut, jumlah yang dipindahkan di jajahan Rantau Panjang terus meningkat daripada 340 kepada 475 mangsa.

Peningkatan mangsa banjir itu dikatakan berlaku berikutan limpahan air Sungai Golok memenuhi beberapa kawasan terjejas.

Sehingga jam 5 petang semalam, mangsa terdiri 121 keluarga ditempatkan di tiga pusat pemindahan iaitu Stesen Keretapi Rantau Panjang, Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi dan SK Kampung Tok Deh.

Mereka adalah penduduk dari Kampung Kedai Lama, Kampung Kedap, Kampung Dangar, Kampung Jeram Perdah, Kampung Lubok Setol, Kampung Tok Deh dan kawasan sekitarnya.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Pasir Mas, berkata paras air Sungai Golok di Rantau Panjang masih melebihi paras bahaya iaitu 10.10 meter (9.00 meter).

Katanya, bacaan paras air Sungai Golok di Jenob kini berada di bawah paras berjaga-jaga iaitu 20.33 meter (21.50 meter).

Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang, Ghani Mamat, berkata Jalan Rantau Panjang ke Pasir Mas dan Jalan Rantau Panjang ke Jeli masih belum ditutup.



REDAH...penunggang motosikal tidak menghiraukan keselamatan keluarganya.



TUMPANG...penduduk menggunakan kenderaan berat untuk ke seberang jalan.

Bandar Kangar hampir tenggelam

KANGAR: Keadaan banjir di Perlis bertambah buruk apabila hampir keseluruhan bandar Kangar ditenggelami air hingga menyebabkan usaha menghantar bantuan kepada mangsa bertambah sukar apabila paras air naik melebihi dua meter.

Setakat ini, seramai 10,400 mangsa membabitkan 2,466 keluarga dipindahkan ke 51 pusat pemindahan banjir yang dibuka sejak tiga hari lalu.

Banjir kali ini dikatakan lebih buruk berbanding 2005 dengan 21 sekolah iaitu 10 sekolah rendah dan 11 sekolah menengah ditutup di Padang Besar, Kangar dan Arau.

Jumlah mangsa banjir kali ini dikatakan meningkat lebih 12,000 orang kerana sebahagian mangsa tidak men-

daftar di bilik gerakan banjir dan menumpang di rumah saudara-mara atau rakan.

Difahamkan keadaan banjir di selatan Thailand termasuk Hatyai turut menyumbang kepada kenaikan air di Perlis.

Selain itu, lebih 8,000 penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, kini berhadapan dengan krisis bekalan makanan hingga menyebabkan pihak pentadbiran universiti terpaksa membuat catuan makanan.

Pengarah UiTM Perlis, Profesor Dr Khudzir Ismail, berkata ketika ini pihak universiti menggunakan sistem kupon untuk mengawal bekalan sedia ada bukan saja kepada lebih 6,000 penuntut yang kini menginap di kampus malah turut membabitkan luar kampus.

"Lebih 1,000 penuntut luar kampus sudah dibawa masuk untuk diberi perlindungan sebagai langkah berjaga-jaga apabila banjir mula melanda Perlis termasuk Arau.

"Cuma, kita bimbang bekalan makanan akan terputus memandangkan banyak kedai di sekitar pekan Arau dan bandar Kangar tutup apatah lagi bekalan sedia ada hanya mencukupi untuk tempoh dua hari saja," katanya.

Sementara itu, lebih 7,000 penuntut Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diberikan cuti sehingga bencana banjir reda manakala 34 penuntut antarabangnya pula dipindahkan dari penempatan di Taman Aman ke Wang Ulu di Kuala Perlis.

Selain itu, ratusan lagi penuntut Institut Pendidikan Guru (IPG) kampus Perlis

juga dilaporkan turut terputus bekalan selepas laluan utama sekitar kawasan terabit mula dinaiki air sehingga paras dada.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, Nishad Mohamed Mohd Shaffy, ketika dihubungi, berkata paras air di sekitar Empangan Timah Tasoh kini semakin menurun ke paras 30 meter berbanding 30.49 meter kelmarin.

Bagaimanapun, ia masih diklasifikasikan sebagai melepasi paras bahaya.

"Pada masa ini satu daripada enam pintu di Empangan Timah Tasoh yang dibuka untuk melepaskan air keluar, sudah ditutup dan jika cuaca stabil, kemungkinan besar keadaan kembali pulih dalam tempoh dua hari," katanya.

Sekitar banjir

Abang tak perasan

Adik tergelincir dalam sawah digenang air ketika lihat orang pukat ikan

>>Oleh Riadz Radzi

riadz@hmetro.com.my

KUALA NERANG: “Mohd Zaki menunggu saya pulang dan meminta saya makan tengah hari sebelum dia keluar bersama abangnya untuk melihat orang memukat,” kata Rohani Baharom, 52, ibu kepada Mohd Zaki Amani Shari, 13, mangsa pertama korban banjir di Kedah yang tergelincir ke dalam sawah di Kampung Charuk Bongor di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 petang itu, mangsa, pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Nerang yang keluar bersama abangnya, Solehuddin, 14, lemas selepas tergelincir ke dalam sawah dipenuhi air banjir sedalam hampir dua meter.



SEDIH...Shaari Ismail, 60, mengiringi jenazah anaknya, Mohd Zaki yang lemas dalam sawah, petang kelmarin.

Rohani ketika ditemui berkata, dia pulang ke rumah kira-kira jam 2 petang bersama anak perempuan bongsunya selepas selesai dengan urusan persekolahan anaknya itu di bandar ini.

“Sebaik tiba di rumah, Mohd Zaki beria-ia menyuruh saya makan dulu sedangkan dia tidak makan,” katanya.

Rohani berkata, dia tidak tahu Mohd Zaki keluar bersama Solehuddin.

“Saya hanya tahu mengenai kejadian itu apabila diberitahu penduduk kampung Mohd Zaki terjatuh ke dalam sawah,” katanya.

Dia kemudian bergegas ke tempat kejadian sebelum melihat Solehuddin menangis di

tepi sawah berkenaan.

Difahamkan, Solehuddin tidak perasan adiknya tergelincir ke dalam sawah menyebabkannya tidak sempat menyelamatkan mangsa.

Katanya, penduduk kammenemui mayat Mohd Zaki kira-kira jam 6.30 petang berhampiran tempat dia terjatuh.

Mayat wanita Jerman ditemui sangkut di pokok

JITRA: Mayat wanita warga Jerman berusia 64 tahun yang dihanyutkan arus deras bersama anak dan menantunya, ditemui tersangkut pada sebatang pokok berhampiran rumahnya di Kampung Kerenjis, Kota Giam, di sini, kira-kira 100 meter dari tempat dia berpaut di bawah jambatan kampung berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Superintendan Sawaludin Hamenuddin, berkata Erna Fischer, 64, ditemui kira-kira jam 5.45 petang semalam oleh penduduk kampung dan pasukan keselamatan.

“Mangsa ditemui tidak jauh dari tempat kejadian di sungai berkenaan selepas dua hari dihanyutkan arus deras.

“Mayat mangsa dihantar ke Hospital Jitra (HJ) untuk dibedah siasat,” katanya di sini semalam.

Dalam kejadian Selasa la-

lu, wanita warga Jerman berusia 64 tahun itu hilang dan dikhuatiri lemas manakala anak lelaki serta menantunya terselamat dengan memanjat dan berpaut pada pokok selepas mereka dihanyutkan arus deras banjir.

Dalam kejadian jam 8 malam itu, mangsa bersama anaknya, Yusof Abdullah, 41, juga warga Jerman serta menantunya, Ashalehah Zain, 40, warga tempatan dikatakan panik apabila mendapati air memasuki rumah mereka melebihi paras pinggang menyebabkan mereka keluar dari rumah untuk menyelamatkan diri.

Bagaimanapun, sebaik keluar dari rumah, ketiga-tiga mereka dihanyutkan arus deras sejauh kira-kira 300 meter sebelum sempat berpaut pada pokok, manakala mangsa sempat berpaut pada jambatan.